

KEJOHANAN PENCAK SILAT SEDUNIA

Juara Shakir lebih bersemangat lepas tewas

► ISMAIL ALI
ismail@sph.com.sg

HAMPA tetapi mungkin ada hikmah di sebaliknya.

Demikian reaksi spontan juara dunia, Muhammad Shakir Juanda, yang dihubungi di Phuket, Thailand, petang semalam selepas tewas mengejut di tangan pesilat Indonesia, Tri Juanda Samsul Bahar, di peringkat separuh akhir Kelas H Senior acara tanding Kejujutan Pencak Silat Sedunia di Pusat Sukan Sapan Hin pada sebelah pagi.

Muhammad Shakir, 27 tahun, yang memenangi gelaran juara dunia dua tahun lalu dan menjadi harapan mempertahankan kejuaraannya, sekali gus membawa pulang pingat emas, tewas 1-4 di tangan muka baru dari Indonesia itu.

"Pastinya saya berasa kecewa dengan keputusan ini tetapi saya perlu reda.

"Memang adat dalam pertandingan pasti ada yang kalah dan menang tetapi saya tetap bersyukur sekurang-kurangnya mendapat pingat perak dalam acara seni," jelas Muhammad Shakir, merujuk kepada pencapaian menjadi naib juara acara seni ganda putera bersama Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin Ahad lalu.

Mengulas pertarungannya dengan Tri Juanda, Muhammad Shakir berkata beliau cuba memulakan perlawanan mengikut strategi yang dirancang selepas menonton rakaman perlawanan melibatkan lawannya itu tetapi pesilat Indonesia tersebut mengubah gerak permainannya.

"Saya rasa Tri Juanda mula me-



KALAH MENGEJUT?: Muhammad Shakir Juanda (*kiri*) menyifatkan kekalahannya di tangan muka baru dari Indonesia, Tri Juanda Samsul Bahar, sebagai kesilapan pengadil yang menyangka beliau dijatuhkan sedangkan jaguh Singapura itu mendakwa beliau terpelecek dan terjatuh sendiri. – Foto PERSISI

nikmati kelebihan selepas saya terpelecek dan terjatuh sendiri semasa berentap dengannya dan pengadil memberi beliau mata kerana

menyangka beliau menjatuhkan saya.

"Pusingan kedua menyaksikan kami sama-sama menguasai per-

mainan tetapi dalam pusingan ketiga saya berasa sudah agak terlambat mengejanya," kata Muhammad Shakir, sambil menambah ba-

hawa juri yang berpihak kepada pesilat Indonesia itu turut menyumbang kepada kekalahannya itu.

'Abang senior' bagi skuad pesilat negara itu, bagaimanapun, menekankan bahawa kekalahan semalam tidak akan sama sekali menjejaskan semangat dan persiapannya menghadapi Sukan SEA di Singapura Jun ini.

"Kekalahan ini sebenarnya ada hikmahnya. Bagi saya, yang pernah berada di tangga atas, kekalahan yang meletakkan diri saya di bawah ini memberikan saya peluang bangkit.

"Semangat saya kini lebih berkobar-kobar dan saya akan bekerja lebih keras untuk berada di tahap terbaik," ujar Muhammad Shakir, yang diharap menjadi antara penyumbang pingat emas dalam Sukan SEA.

Dengan kekalahan beliau semalam, harapan Singapura membawa pulang pingat emas terjejas apabila juara Sukan SEA Myanmar 2013, Muhammad Nur Alfian Jumaen, turut tewas dalam peringkat suku akhir Kelas F di tangan pesilat Vietnam, Tran Dinh Nam, Isnin lalu.

Seorang lagi pesilat harapan, Nurul Suhaila Mohamed Saiful, 19 tahun, turut tewas 0-5 dalam satu lagi final Kelas D di tangan Selly Andriani dari Indonesia petang semalam.

Harapan Singapura memenangi pingat emas kini terletak di bahu Sheik Farhan Sheik Alau'ddin yang melayakkan diri ke final Kelas J hari ini.